



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 46 (13 NOVEMBER – 19 NOVEMBER 2022)

Pada Minggu Epidemiologi ke-46 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,593 kes berbanding 1,715 pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 122 kes (7.1%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-46 tahun 2022.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 54,570 kes berbanding 23,057 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 31,513 kes (136.7%), Manakala sebanyak 37 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 18 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C).**

Sebanyak 61 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 68 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 32 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, 19 lokaliti hotspot di Sabah, lapan (8) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di Perak serta Sarawak. **(Lampiran B & D).**

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak empat (4) kes pada minggu ke-46 dengan dua (2) kes dari Pulau Pinang dan masing-masing satu (1) kes dari


WPKL & Putrajaya serta Negeri Sembilan. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 692 kes (**Lampiran E**). Bagi surveilans zika, sebanyak 1,884 sampel darah dan 17 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Kejadian banjir kilat diselang-seli cuaca panas berisiko meningkatkan tempat pembiakan nyamuk Aedes terutama di kawasan dengan bekas-bekas terbiar di persekitaran. Selain itu, pergerakan manusia dari satu tempat ke tempat lain juga berisiko menyebarkan virus denggi daripada pembawa demam denggi tanpa gejala (asimptomatik) ke kawasan yang dilawati sehingga menyebabkan wabak di kawasan baharu. Justeru, untuk membendung jangkitan denggi daripada terus merebak dan mengancam kesihatan masyarakat, aktiviti-aktiviti berikut perlu dilakukan:

- i. Aktiviti Cari dan Musnah tempat pembiakan nyamuk Aedes di premis masing-masing setiap minggu.
- ii. Semburan aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa di dalam rumah.
- iii. Elakkan gigitan nyamuk dengan menggunakan repelan dan memakai pakaian berlengan panjang dan seluar panjang berwarna cerah terutama apabila berada di luar rumah.
- iv. Bubuh ubat pembunuh jentik-jentik di dalam bekas takungan air kekal atau sukar dibersihkan.

Sekiranya individu mengalami gejala demam, sakit sendi/ sakit badan, sakit kepala dan lain-lain, segera dapatkan rawatan dan jangan bertangguh. Jangan leka, demam denggi boleh meragut nyawa. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
24 November 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-45 dan ke-46 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-46 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021




Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021




Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-46 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 46/2022
(13 November hingga 19 November 2022)


Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 46/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 46/2021	
		Minggu 46 (13 Nov – 19 Nov 2022)		Minggu 45 (6 Nov – 12 Nov 2022)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	13	0	9	0	96	1	20	0
2	Kedah	54	0	43	0	1,215	2	489	1
3	P. Pinang	51	0	60	1	993	1	357	0
4	Perak	44	0	38	0	1,074	1	514	1
5	Selangor	744	0	812	1	31,822	8	13,745	2
6	WP KL & Putrajaya	204	0	207	0	5,609	5	2,793	2
7	N. Sembilan	50	0	44	0	1,664	2	544	1
8	Melaka	15	0	9	0	531	1	541	0
9	Johor	137	0	159	0	3,306	2	1,588	4
10	Pahang	28	0	32	0	801	1	395	2
11	Terengganu	5	0	9	0	211	0	37	0
12	Kelantan	38	0	34	0	983	4	194	0
13	Sarawak	19	0	21	0	594	1	344	0
14	Sabah	191	0	237	0	5,647	8	1,491	5
15	WP Labuan	0	0	1	0	24	0	5	0
	MALAYSIA	1593	0	1,715	2	54,570	37	23,057	18




Selangor




WPKL & Putrajaya




Johor




Sabah




Kelantan




Perak




Pulau Pinang




Kedah




Negeri Sembilan




Melaka




Pahang




Sarawak



Terengganu



Perlis



Labuan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 46/2022
(13 November hingga 19 November 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	28	138
2	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	46	135
3	SABAH	Sandakan	Taman Mesra	32	94
4	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 8 Bdr Baru Btg Kali	45	90
5	SELANGOR	Petaling	E11. Sri SS 6 Kompleks Kediaman Kastam	34	90
6	SABAH	Sandakan	Kampung Lupak Meluas Laut	14	75
7	SELANGOR	Hulu Langat	TPS 2 Oakberry (Jalan TPS 2/3-2/8) Semenyih	9	74
8	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Flat Jln 17/2 @ 17/24 @ 17/26 : Blok 1- 10)	21	73
9	SABAH	Sandakan	Kg Berhala Darat Zon A	14	71
10	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U20 (Bukit Rahman Putra Teres F : Jln BRP 5/1 - BRP 5/8A)	18	69
11	SELANGOR	Petaling	E6. BI PJU 8 Apt Flora Damansara 2 [C,D,E,F]	19	67
12	WPKL& P	Kepong	Kuarters Kerajaan Jalan Duta (G,H,J,K)	19	61
13	WPKL& P	Titivangsa	Pangsapuri ATM	18	59
14	SABAH	Sandakan	Flat Taman Mawar	17	59
15	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Puncak Jalil 8 (Pangsapuri Mayang)	10	58
16	SABAH	Kota Kinabalu	Indah Permai	41	58
17	SABAH	Sandakan	Bandar Ramai-Ramai	13	57
18	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Pahlawan Taman Tun Perak	14	55
19	SELANGOR	Petaling	E6. BI PJU 9 Sd 13 Apt Sri Meranti (2) [H, J, K, L, M, N, P, Q, R]	16	55
20	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 9 (Kondo Sri Mahligai & Townhouse Sri Mahligai)	25	55
21	SABAH	Sandakan	Kampung Sundang Darat	15	54

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
22	SABAH	Kota Kinabalu	Kg. Sembulan Lama	17	52
23	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni 2&3 Saujana Impian	7	51
24	WPKL& P	Titiwangsa	Desa Pasifik Ampang (Blok C,F,G)	16	49
25	SABAH	Kudat	Pengaraban Luar	19	49
26	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Pangsapuri Orkid : Blok 7 - 12)	9	47
27	SELANGOR	Hulu Langat	Blok Polis Taman Desa Baiduri	19	47
28	SABAH	Kota Kinabalu	Kg.Pisang Inanam Laut	18	47
29	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Bkt Serdang 10 (Vista Impiana)	6	45
30	SELANGOR	Petaling	E7. Kd PJU 5 Sek 6	12	44
31	SABAH	Sandakan	Taman Lucky	14	44
32	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	9	43
33	SELANGOR	Klang	Telok Gong Flat Taman Sri Nelayan	12	43
34	WPKL& P	Titiwangsa	Medan Idaman (Idaman Putera Condo)	14	42
35	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan DP 1 Bandar Damai Perdana	17	42
36	SABAH	Sandakan	MPS Flat Karamunting	18	41
37	SABAH	Kota Kinabalu	Mandarin Park	15	40
38	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Mutiara Subang : Pusat Komersil Jln U5/A - U5/D)	6	39
39	SARAWAK	Kuching	Tabuan Lot	26	39
40	PERAK	Kinta	Tmn Pengkalan Perdana	9	39
41	WPKL& P	Lembah Pantai	Taman Salak Selatan E (Jln Perkasa,Jln Perkasa 2-10,Jln Laksamana,Jln Bendahara)	8	38
42	SABAH	Sandakan	Kem Tentera	11	38
43	SELANGOR	Petaling	E10. BG Sek 14 (Teres 1) [Jln 1-28]	6	36
44	SABAH	Sandakan	Kg Mangkalinau Arang	9	36
45	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Utama	16	35

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
46	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Universiti Indah 2 (Red Ruby)	4	35
47	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Dahlia TBR BB	10	35
48	WPKL& P	Titiwangsa	Taman Maluri (Institut Profesional Baitulmal)	7	34
49	SELANGOR	Petaling	E7. Kd PJU 5 Sek 7 (Teres)	8	34
50	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Subang Murni Teres : Jalan U5/140 - 162)	8	34
51	SABAH	Sandakan	Flat Taman Sejati	11	34
52	WPKL& P	Titiwangsa	PPR Sri Semarak	9	33
53	SABAH	Sandakan	Taman Alam Indah	12	33
54	SABAH	Sandakan	Karamunting Baru	5	33
55	WPKL& P	Lembah Pantai	Taman OUG E1 (Jln Hujan Abu 1-4)	6	32
56	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Ampang Saujana	6	31
57	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 16 Taman Cheras Jaya	4	31
58	SELANGOR	Klang	Bandar Puteri 06	6	31
59	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U9 (Sunway Kayangan Teres B : Jln U9/34 - U9/38D)	5	31
60	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 8 (Subang Perdana Goodyear Court 6)	7	31
61	SABAH	Kota Kinabalu	Pulau Penampang	7	31

Lampiran E

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 46/2022
(DARI 13 NOVEMBER HINGGA 19 NOVEMBER 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 46/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 46/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 45/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 45/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	3	3
2	Kedah	0	2	34	127	140
3	P. Pinang	2	3	38	69	77
4	Perak	0	0	11	180	180
5	Selangor	0	10	227	284	339
6	WP KL & Putrajaya	1	4	254	430	490
7	N. Sembilan	1	2	75	13	22
8	Melaka	0	0	7	27	29
9	Johor	0	0	4	96	97
10	Pahang	0	0	2	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	4	39	45	55
13	Sarawak	0	0	1	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	4	25	692	1,274	1,432